KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP (KPDN)

SISTEM MALAYSIA FRANCHISE EXPRESS (MYFEX) 2.0

MANUAL PENGGUNA

MODUL KEBENARAN MENGGUNAKAN NAMA BERKAITAN FRANCAIS DI BAWAH SEKSYEN 37A

Hakcipta terpelihara Kerajaan Malaysia

KETERANGAN DOKUMEN

Dokumen ini merupakan **Manual Pengguna Kebenaran Menggunakan Nama Berkaitan Francais Di Bawah Seksyen 37A** bagi Sistem Malaysia Francais Express (MyFEX) 2.0 Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Manual pengguna ini menerangkan cara-cara untuk membuat permohonan kebenaran menggunakan nama berkayatan francais Di Bawah Seksyen 37A berkenaan perniagaan francais, atau sebarang masalah berkaitan francais sahaja.

VERSI PINDAAN

Versi	Tarikh	Ringkasan Perubahan
0.1	10/07/2025	Dokumen dicipta.
1.0	28/07/2025	Kemaskini pada bahagian : 1. Maklum balas kuiri permohonan kebenaran Di Bawah Seksyen 37A

ISI KANDUNGAN

KETERANGAN DOKUMEN I

VERSI PINDAAN II

ISI KANDUNGAN III

1. PENGENALAN 1

1.1 Objektif 1

1.2 Skop 1

1.3 Pengenalan kepada Sistem MyFEX 1

2. DAFTAR AKAUN DAN LOG MASUK 2

2.1. Pendaftaran Pengguna Awam 2

2.2. Log Masuk Sistem 3

3. MEMBUAT PERMOHONAN KEBENARAN MENGGUNAKAN NAMA BERKAITAN FRANCAIS DI BAWAH SEKSYEN 37A 6

4. MAKLUM BALAS KUIRI PERMOHONAN KEBENARAN DI BAWAH SEKSYEN 37A 10

5. PERMOHONAN KEBENARAN DI BAWAH SEKSYEN 37A YANG DITERIMA ATAU LULUS . 14

6. PERMOHONAN KEBENARAN DI BAWAH SEKSYEN 37A YANG DITOLAK 16

1. Pengenalan

1.1 Objektif

Objektif utama manual pengguna ini dibangunkan adalah untuk dijadikan sebagai rujukan dan garis panduan bagi pengguna untuk menggunakan laman sesawang ***MyFEX*** bagi aktiviti berkaitan pendaftaran perniagaan francais.

Setiap proses pendaftaran francaisor dalam sesawang ***MyFEX*** akan dijelaskan secara terperinci di dalam manual pengguna ini bagi membantu pengguna memahami langkah-langkah yang diperlu dilakukan.

Dokumen manual pengguna ini juga akan digunakan sebagai rujukan semasa aktiviti latihan pengguna dijalankan.

1.2 Skop

Skop manual pengguna ini merangkumi fungsi-fungsi modul dalam MyFEX yang melibatkan pendaftaran pihak francaisor yang diguna pakai oleh pihak syarikat industri perniagaan francais.

Fungsi-fungsi yang terkandung dalam manual pengguna ini melibatkan fungsi bisnes seperti berikut:

a. Daftar Akaun Pengguna dan Log Masuk
b. Membuat Permohonan Kebenaran Di Bawah Seksyen 37A Baharu
c. Maklum Balas Kuiri Permohonan Kebenaran Di Bawah Seksyen 37A
d. Permohonan Kebenaran Di Bawah Seksyen 37A yang Diterima atau Lulus
e. Permohonan Kebenaran Di Bawah Seksyen 37A yang Ditolak

1.3 Pengenalan kepada Sistem MyFEX

Portal MyFEX mengandungi urusan pendaftaran perniagaan bagi pihak francaisor dan francaisi, pendaftaran konsultan dan juga pendaftaran broker. Ia merupakan laman sesawang untuk memudahkan proses memulakan perniagaan francais di Malaysia. Pengguna utama kepada sistem Portal MyFEX 2.0 ini adalah komuniti industri perniagaan francais dan agensi Kerajaan seperti berikut:

a) **Komuniti industri perniagaan francais** iaitu pihak syarikat francaisor termasuk individu/syarikat pihak konsultan dan juga pihak broker yang terlibat berkaitan dengan pendaftaran perniagaan francais; dan.

b) **Agensi Kerajaan** pula dapat memberi informasi berkenaan prosedur perniagaan dan memantau perkembangan aktiviti perniagaan yang berdaftar dengan pihak Kerajaan.

Setiap pengguna samada komuniti perniagaan dan agensi Kerajaan perlu mendaftar sebagai pengguna yang sah bagi berinteraksi dengan perkhidmatan dalam talian yang ditawarkan di portal sistem MyFEX.

2. Daftar Akaun dan Log Masuk sebagai Pengguna Awam

2.1. Pendaftaran Pengguna Awam

Pengguna Awam hendaklah terlebih dahulu mendaftarkan akaun ke dalam sistem MyFEX untuk memudahkan proses permohonan kebenaran 37A yang ingin dibuat.

1. Klik pada **Daftar** seperti pada Rajah 2.1.
2. Laman daftar akaun dipaparkan seperti pada rajah 2.2. Klik pada **Pengguna Awam.**



Rajah 2.1: Paparan antaramuka laman utama sistem MyFEX



Rajah 2.2: Paparan antaramuka daftar akaun sistem MyFEX

3. Isi dan lengkapkan maklumat daftar akaun sebagai Pengguna Awam berikut.
4. Klik **Hantar** untuk menghantar daftar akaun.

2.2. Log Masuk Sistem

Pengguna sistem seperti pengguna awam dan pengguna industri francais iaitu pihak syarikat francaisor termasuk individu/syarikat pihak konsultan dan juga pihak broker boleh membuat permohonan kebenaran 37A melalui sistem.

1. Klik pada **LOG MASUK** seperti pada Rajah 2.3.
2. Pemilik akaun masukkan maklumat seperti Rajah 2.4 pada ruangan E-MEL dan KATA LALUAN dan klik **Log Masuk**.



Rajah 2.3 : Paparan antaramuka laman utama sistem MyFEX



Rajah 2.4: Paparan antaramuka Log Masuk sistem

3. Setelah berjaya log masuk, laman utama bagi akaun pengguna awam dipaparkan rujuk rajah 2.5.

4. Setelah berjaya log masuk, laman utama bagi akaun pengguna dari komuniti industri francais dipaparkan rujuk rajah 2.6.



Rajah 2.5: Paparan antaramuka laman utama pengguna awam



Rajah 2.6 : Paparan antaramuka laman utama pengguna industri francais

3. Membuat Permohonan Kebenaran Menggunakan Nama Berkaitan Francais Di Bawah Seksyen 37A

Terdapat dua kategori pengguna yang boleh mengemukakan permohonan kebenaran 37A, iaitu pengguna daripada kategori industri francais dan pengguna awam. Kedua-duanya mempunyai paparan sistem yang sama.

1. Pada laman utama klik menu Pengguna Awam > **Kebenaran Mengguna Nama Berkaitan Francais (Seksyen 37A)** seperti berikut

2. Laman senarai permohonan kebenaran menggunakan nama berkaitan francais (Seksyen 37A) dipaparkan. Klik butang **Permohonan Baru**.



3. Laman permohonan kebenaran menggunakan nama berkaitan francais (Seksyen 37A) dipaparkan. Isikan pada maklumat pemohon dan klik **Seterusnya**.



4. Lengkapkan maklumat Butiran Permohonan serta isikan tujuan dan butiran permohonan ini dibuat. Klik **Seterusnya**.



5. Muat naik lampiran yang berkaitan dan klik **Seterusnya**.



5. Buat pengisytiharan serta klik **Hantar Permohonan.**



6. Klik **OK** bagi menunjukkan permohonan telah berjaya dihantar dan perlu membuat pembayaran fi proses.



7. Tandakan pilihan pada pembayaran yang ingin dibuat dan lengkapkan maklumat pembayaran. Seterusnya, klik butang **Bayar**.



8. Maklumat pembayaran dipaparkan setelah pembayaran berjaya dibuat. Permohonan telah berjaya dihantar.



9. Pemohon akan mendapat notifikasi emel berkaitan permohonan berjaya dihantar.

4. Maklum Balas Kuiri Permohonan Kebenaran Di Bawah Seksyen 37A

Sistem menyediakan fungsi Kuiri Permohonan kebenaran 37A yang membolehkan pemohon memberikan maklum balas terhadap kuiri yang dikemukakan.Pengguna akan menerima e-mel berkaitan kuiri permohonan kebenaran 37A.

1. Pengguna klik menu Pengguna Awam > **Kebenaran Menggunakan Nama Berkaitan Francais (Seksyen 37A)** seperti berikut.

2. Laman Senarai Permohonan Kebenaran Menggunakan Nama Berkaitan Francais (Seksyen 37A) dipaparkan. Lihat pada permohonan di ruangan status yang tertera sebagai **kuiri.**

4. Pengguna boleh klik untuk melihat kuiri yang dihantar.



5. Klik butang **Kemaskini** untuk membuat kemaskini kuiri. Atau pengguna boleh terus klik pada tindakan di halaman senarai permohonan kebenaran.

6. Pengguna kemaskini maklumat permohonan berdasarkan kuiri yang diterima. Klik **Seterusnya** untuk ke seksyen seterusnya.



7. Setelah selesai membuat kemaskini kuiri. Pengguna membuat Pengisytiharan serta klik **Hantar Permohonan**.



8. Pengguna klik **OK** menunjukkan permohonan telah berjaya dikemaskini untuk meneruskan semakan pegawai. Halaman akan kembali pada Maklumat Permohonan.



9. Di halaman Laman Utama, status permohonan akan dikemas kini kepada "Maklum Balas Kuiri" selepas pengguna mengemaskini permohonan yang dikuiri.



5. Permohonan yang Diterima atau Lulus

Pengguna boleh menyemak status terkini permohonan kebenaran 37A, termasuk status permohonan 'Lulus' serta melihat semula maklumat permohonan bagi permohonan kebenaran 37A yang telah lulus tersebut.

1. Pengguna akan menerima e-mel berkaitan notifikasi permohonan telah lulus.
2. Pada halaman Laman Utama, pengguna boleh melihat status Lulus di *tab* Permohonan Kebenaran Menggunakan Nama Berkaitan Francais (Seksyen 37A) seperti berikut. Klik untuk melihat maklumat permohonan.



3. Atau pengguna boleh klik menu Pengguna Awam > **Kebenaran Menggunakan Nama Berkaitan Francais (Seksyen 37A)** seperti berikut.

4. Laman Senarai Permohonan Kebenaran Menggunakan Nama Berkaitan Francais (Seksyen 37A) dipaparkan. Lihat pada permohonan di ruangan status yang tertera sebagai **Lulus.** Klik untuk melihat maklumat permohonan.

5. Maklumat Permohonan yang berstatus lulus serta maklumat pemohon, lampiran, kuiri dan penilaian dipaparkan.









6. Permohonan yang Ditolak

Pemohon boleh menyemak status terkini permohonan kebenaran seksyen 37A, termasuk status permohonan 'Ditolak' serta melihat semula maklumat permohonan yang ditolak tersebut.

1. Pemohon akan menerima e-mel berkaitan notifikasi permohonan telah ditolak.
2. Pemohon klik **Pengguna Awam** > **Kebenaran Menggunakan Nama Berkaiatan Francais** kemudian laman Senarai Permohonan Kebenaran Menggunakan Nama Berkaitan Francais (Seksyen 37A) dipaparkan, klik di Tindakan untuk melihat maklumat permohonan yang telah lulus.

SENARAI PERMOHONAN KEBENARAN MENGGUNAKAN NAMA BERKAITAN FRANCAIS (SEKSYEN 37A)
Laman Utama / Permohonan Seksyen 37A
Permohonan Baru
Permohonan Kebenaran Menggunakan Nama Berkaitan Francais (Seksyen 37A)
Tunjuk 10 kemasukan
Carian :
Bil.
No. Rujukan Permohonan
Nama Pemohon
Alamat E-mel
No. Telefon
Tarikh Mohon
Status
Tindakan
4
MFE/37A/00013/2025
25/04/2025 05:18 PM
Ditolak
Menunjukkan 1 hingga 5 daripada 5 penyertaan
Sebelumnya
1
Seterusnya